

Guru Penolong Kanan Hem Bersara Dirai Seperti Raja Sehari



Labuan, 31 Januari 2020 :Persaraan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru, Encik Sabar bin Dalimin diraikan dengan meriah dalam satu 'majlis perkahwinan' bagi mengenang khidmat cemerlangnya di sekolah itu. Sabar, 60 secara sah menamatkan perkhidmatan pada 31 Januari lalu selepas berkhidmat sebagai guru selama 21 tahun. Pada hari tersebut, beliau mengenakan busana songket berona jingga dan bersulam keemasan.



Rombongan seterusnya bergerak ke Sekolah Kebangsaan Pekan Dua dimana Encik Sabar telah berkhidmat di sekolah tersebut pada tahun 2011 hingga 2018. Encik Sabar telah dipersembahkan dengan satu persembahan daripada murid-murid SKPD dengan lagu 'Cinta Terbaik dan Memori Tercipta' yang begitu menyayat hati dan menggamit memori untuk Encik Sabar sepanjang mendidik di sekolah ini.





Pergerakan rombongan diteruskan ke Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru dimana sekolah terakhir beliau berkhidmat sebagai seorang Penolong Kanan Hal Ehwal dan seorang pendidik. Beliau sempat berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru pada tahun 2019 hingga kini. Beliau telah disambut dengan meriah. Beliau dikejutkan dengan paluan kompang dan kehadiran isteri tercinta, Puan Esah binti Hussin yang turut mengenakan busana pengantin simbolik pasangan seumur hidup beliau.

Semua

guru mengiringi beliau dan pasangan ke Dewan Sekolah Tanjung Aru. diserikan, persembahan tayangan multimedia dan penyampaian hadiah daripada kelas-kelas. Beliau dipersembahkan dengan tayangan montaj sepanjang perkhidmatan beliau sebagai seorang pendidik sehingga kini. Beliau turut memberikan ucapan terharu dan terima kasih kepada warga sekolah.

“ Saya mengucapkan terima kasih kepada barisan guru dan pentadbir yang sanggup bersusah payah mengatur majlis

pada hari ini. Kejutan yang paling tidak disangka-sangka kehadiran isteri beliau pada hari ini". Kata beliau dengan begitu gembira. Selain itu, beliau sempat menitipkan pesanan buat rakan guru yang lain. " Saya berasa amat sedih kerana terpaksa meninggalkan kerjaya perguruan yang sudah sehati dengan jiwa. Bagaimanapun, saya gembira kerana dapat mendidik anak bangsa menerusi kerjaya sebagai guru. Semoga rakan-rakan yang lain sentiasa bersemangat dalam meneruskan kerjaya sebagai seorang guru dan teruskan komitmen yang jitu.". katanya

